

11/04/2000

Bukan salah BN jika kebebasan wanita terhapus

MELAKA, Isnin - Wanita sepatutnya tidak menyalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN) jika kebebasan yang mereka miliki selama ini terhapus sebaik saja parti pembangkang mengambil alih pentadbiran sesebuah negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, (gambar) berkata kebebasan ketika itu seperti berpakaian, berkomunikasi dengan masyarakat dan membabitkan diri dalam pelbagai persatuan, menjadi terhad sehingga pergerakan mereka terbatas.

Menurutnya, keadaan seperti itu berlaku di beberapa negeri yang dikuasai pembangkang, sehingga wanita di negeri berkenaan tidak bebas menyuarakan pendapat mereka.

Beliau mengingatkan jika segala kebebasan dan kemajuan yang dinikmati sekarang tidak dihargai sepenuhnya, sudah tentu generasi akan datang akan turut merasai kesannya.

"Oleh itu, menghargai kebebasan dan kemajuan yang dicapai hari ini, akan menjadikan seseorang wanita itu lebih yakin kepada kemampuan mereka," katanya pada majlis perasmian bangunan Persatuan Hal Ehwal Wanita (Hawa) negeri di Peringgit di sini, hari ini.

Perasmian itu dilakukan oleh Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya Senator Datuk Hazizah Mohd Sultan.

Shahrizat berkata, kerajaan sentiasa meletakkan wanita di tempat yang setaraf dengan kaum lelaki, bagi memberikan mereka peluang membantu memaju dan mentadbirkan negara.

Disebabkan itu, katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertindak meletakkan Hawa di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya segala isu wanita mendapat perhatian terus daripada Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Shahrizat mengingatkan wanita supaya tidak menyalahgunakan kebebasan yang ada kerana boleh menjejaskan usaha kerajaan terus membela nasib wanita.

"Ibu perlu berganding bahu dengan bapa dan tidak mengambil kesempatan daripada Akta Keganasan Rumah Tangga yang ada.

"Di samping terus berusaha memajukan diri, ibu juga perlu memberi sokongan kepada suami masing-masing supaya mereka tidak berasa lemah terhadap akta yang ada," katanya sambil meminta wanita bermasalah, memaklumkan kepadanya atau kepada jawatankuasa perunding Hawa di setiap negeri atau peringkat Parlimen, supaya tindakan penyelesaian dapat diambil.

(END)